

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Nilai

Kementerian Pengajian Tinggi merangka beberapa program pengajian bagi membolehkan pelajar pondok, madrasah dan maahad tahfiz melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran di peringkat sijil dan diploma ditawarkan Kolej Komuniti.

Menterinya Datuk Seri Idris Jusoh berkata, langkah itu bertujuan melahirkan lebih ramai pelajar tahfiz berkecayaan dalam kemahiran ditawarkan kementerian berkenaan.

Katanya, pelajar tahfiz boleh memilih 64 program pengajian ditawarkan Kolej Komuniti dalam pelbagai bidang termasuk latihan vokasional, agrikultur, teknologi maklumat dan keusahawanan.

"Kolej Komuniti mempunyai pelan pengajian fleksibel, malah ketika ini mereka menerima kira-kira 40,000 pelajar tahfiz di seluruh negara mengambil kursus pendek dengan menghadiri kelas setiap hujung minggu.

"Bagaimanapun, kursus pendek dalam pelbagai bi-

IDRIS (dua dari kanan) melawat gerai pameran Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2015 di USIM, Nilai, Negeri Sembilan.



"Melahirkan lebih ramai pelajar tahfiz berkelayakan dalam kemahiran" Idris Jusoh

Modul baru pelajar pondok

■ Beri peluang lanjut pengajian dalam bidang kemahiran

dang kemahiran hanya membolehkan mereka mempelajari ilmu baru untuk kegunaan sendiri kerana tidak menerima Sijil Kemahiran Malaysia yang boleh

digunakan untuk melanjutkan pelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan seminar Pendidikan Islam Sepanjang Ha-

yat (PISH) Peringkat Nasional di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, semalam.

Menurutnya, program pengajian itu antara inisiatif

PISH dalam mempersiapkan modal insan yang berpengetahuan tinggi dan berkemahiran selaras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Azmin hormat pendirian

Shah Alam: Parti Keadilan Rakyat (PKR) menyambut baik pendirian DAP yang mahu mengekalkan kedudukannya dalam Kerajaan Selangor.

Timbalan Presiden PKR Mohamed Azmin Ali berkata, PKR tetap dengan keputusannya sebelum ini iaitu akan terus bekerjasama dengan PAS bagi memastikan pembangkang tetap kukuh.

"Perkara ini (kerjasama dengan PAS dan DAP) kita akan bincang lagi. Apa yang penting pada masa ini adalah memastikan kepentingan rakyat Selangor.

"Dengan muafakat antara semua, kita dapat memberi jaminan efektif kepada rakyat Selangor," katanya pada sidang media selepas Majlis Peletakan Batu Asas Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Darul Ehsan Medical Centre (DEMC), di sini, semalam.

Kelmarin, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng menegaskan DAP akan terus mengekalkan kedudukannya dalam kerajaan Selangor walaupun PKR tetap berkeras mahu bekerjasama dengan PAS.